

20/05/2002

Isu Palestin jadi kunci keamanan dunia

Dzulkfley Zanudin

PERKEMBANGAN dan pergolakan di dunia kebelakangan ini menyaksikan satu senario yang menyakitkan mata dan hati warga bumi. Ketidakadilan dan pembunuhan terus berleluasa, terutama di rantau tertentu seperti Asia Barat, Asia Selatan, Afrika Barat dan kes-kes terpencil di Asia, Amerika Latin, Afrika, malah Eropah dan Amerika Utara sendiri.

Pembunuhan bangsa Palestin, tidak kira beragama Islam atau Kristian, malah golongan radikal yang dikaitkan dengan perjuangan sosialis berbaur Marxis terus berlaku atas nama rejim Zionis Israel memerangi pengganas.

Hari demi hari, penduduk Palestin, sama ada pejuang, orang tua, wanita dan kanak-kanak menjadi korban kejam tentera Yahudi, tanpa sebarang usaha oleh kuasa besar atau pertubuhan antarabangsa bagi menyekat kezaliman itu.

Sebaliknya, Barat, terutama Amerika Syarikat (AS) seolah-olah bermain sandiwara atau wayang dalam isu Palestin yang boleh dianggap menjadi contoh atau kajian kes wujudnya kepincangan dan berat sebelah dalam neraca keadilan antarabangsa.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang beribu pejabat di New York sebagaimana sejarah pertubuhan asalnya, Liga Bangsa-Bangsa (League of Nations) yang membantu gerakan Zionis antarabangsa mewujudkan Israel moden, seolah-olah menutup mata terhadap apa yang berlaku ke atas bangsa Palestin.

Peristiwa pembunuhan beramai-ramai di kem pelarian Jenin seolah-olah dilupakan walaupun ketika kemuncak serangan ganas tentera Yahudi ke penempatan di Tebing Barat itu, PBB begitu bersemangat untuk menghantar pasukan pencari maklumat.

Akhirnya seperti hidung dicucuk tali Zionis, PBB tunduk pada telunjuk dan kebiadapan Israel dengan membubarkan pasukan itu. Israel terus angkuh dengan melancarkan semula serangan ke Jenin, dan paling menyedihkan keganasan terbarunya turut menyebabkan seorang budak Palestin, Amid Abu-Sir, 7, terbunuh selepas terkena peluru sesat tentera Yahudi dalam perjalanan solat Jumaat, 17 Mei lalu.

Perjuangan Intifada rakyat Palestin selama ini sebenarnya adalah luahan rasa marah dan api penentangan golongan ditindas serta diperlekehkan seteruk-teruknya oleh Israel yang melakukan kezaliman dan kekejaman melampau menerusi pembunuhan sewenang-wenangnya ke atas orang disyaki pengganas oleh mereka.

Padahal rejim dan tentera Zionis itu sendirilah pengganas, terutama Perdana Menterinya, Ariel Sharon, malah boleh dikatakan pemimpinnya yang lain sejak dulu dan akan datang. Malah Parti Likud yang memerintah pimpinan Sharon seolah-olah menyebabkan dunia yang anti-Israel meluat apabila institusi politik Tel Aviv itu bermain sandiwara dengan menolak penubuhan tanah air Palestin.

Itu jugalah taktik yang digunakan AS, terutama pentadbiran Bush yang cuba mendapatkan sokongan Arab dan dunia Islam dalam perang menentang pengganasnya, dengan setiap kali menghantar wakil memujuk pemimpin negara terbabit serta acap kali menyatakan sokongan untuk mencari perdamaian buat rakyat Palestin.

Tetapi setiap kali kepentingan Israel tercabar, terutama menerusi serangan jihad bom berani mati pejuang Intifada di negara haram Yahudi itu, dengan pantas sokongan dan simpati terhadap Palestin menjadi tentangan dan kebencian, bagi menjaga hati sekutu Israelnya yang mempunyai pengaruh dan akar umbi yang kuat di Rumah Putih, Pentagon malah nadi

ekonomi Amerika di New York.

Meminjam istilah perang memerangi pengganas yang mula diuar-uarkan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush untuk menghalalkan tindakan ketenteraan ke atas perjuangan kelompok yang dianggapnya berlandaskan keganasan, Bush meneruskan gerakan di Afghanistan ke atas Taliban dan al-Qaeda ke tempat lain, semuanya boleh dikatakan menjadi pusat perjuangan orang Islam yang menjadi minoriti seperti Filipina dan Kashmir. Kini Bush dengan suku sakat rejim Zionis pimpinan Sharon di Israel cuba mengambil tindakan sama ke atas pejuang Intifada di Palestin yang memaksa pemimpin Palestin, Yasser Arafat terpaksa mengikut rentak tarian berniat jahat Washington-Tel Aviv itu.

Malah, Bush menggunakan platform PBB menerusi kerjasama dan perjanjian antipengganas dengan kerajaan Islam lain di merata tempat di dunia cuba menjadikan saluran memerangi pengganas untuk bertindak ke atas kumpulan Islam.

Bagi kebanyakan pemimpin, Bush berhak bertindak atas landasan itu berikutan serangan pengganas ke World Trade Center (WTC) New York dan Pentagon di Washington DC, 11 September 2001, namun perkembangan baru mengenai Rumah Putih sudah dimaklumkan mengenai ancaman serangan itu kini mengubah keadaan.

Berikutan itu, rakyat AS yang sekian lama dimainkan sentimen dan semangat patriotisme mereka oleh Bush ekoran kejadian 11 September mula menuding jari dan menyalahkan presiden berkenaan yang lebih setahun memegang jawatan itu kerana menyembunyikan ancaman serangan berani mati yang didakwa dilakukan oleh rangkaian al-Qaeda pimpinan Osama Laden, yang terus dicop musuh nombor satu Amerika.

Selain rakyatnya yang terkenal dengan sikap mengikut membabi buta apa saja cakap pemimpin mereka berhubung ancaman luar seperti ketika era Perang Dingin dan Perang Vietnam dulu, Bush turut kepanasan berdepan bidasan pedas dan tipu muslihat seteru politikinya, Parti Demokrat.

Demokrat mengambil kesempatan itu untuk mengutuk keputusan Bush tidak mendedahkan amaran perkhidmatan perisikan mengenai ancaman serangan itu sebelum tragedi 11 September, selain menuduh Bush tidak berusaha sedaya upaya bagi mencegah tragedi itu.

Rumah Putih dimaklumkan mengenai kemungkinan penyerang berani mati al-Qaeda merampas kapal terbang dua tahun sebelum 11 September lalu, manakala Biro Siasatan Persekutuan (FBI) dan Agensi Perisikan Pusat (CIA) turut memaklumkan perkara itu beberapa minggu sebelum serangan dilakukan.

Pentadbiran Amerika dimaklumkan mengenai kemungkinan serangan ke atas bangunan awam menggunakan pesawat sejak 1999.

Ancaman yang mengejutkan itu terbongkar selepas pendedahan menyatakan Bush diberi taklimat oleh CIA pada 6 Ogos mengenai kemungkinan serangan berani mati itu.

Pegawai Rumah Putih mengesahkan, pelan bagi menangani ancaman Osama diserahkan kepada Bush untuk semakan dan kelulusannya pada 10 September.

Ini adalah antara bukti sikap tidak bertanggungjawab pemimpin Barat seperti Bush yang lebih suka menjaga tepi kain orang daripada cuba melindungi keselamatan rakyatnya sendiri.

Amerika terkenal sebagai polis atau koboi dunia berasaskan dirinya paling hebat dan mengatasi negara lain meskipun tarafnya sama saja dengan barisan negara di dunia ini, khususnya dalam kerusi PBB. Banyak dakwaan dan laporan sulit mendedahkan mengenai tembelang AS yang lebih banyak cakap daripada buat apa yang konon diperjuangkan untuk warga dunia.

Sikap berat sebelah AS, khususnya presidennya sejak dulu kerap terpaksa mengalah dan tunduk kepada gerakan pelobi Yahudi yang berpusat di New York menjadi punca mengapa semua itu berlaku.

Sukar untuk kita melihat adegan tamat yang diingini di Palestin dengan

setiap rakyat yang berhak diberikan semula maruah mereka untuk menghuni bumi nabi-nabi itu dengan penuh kebahagiaan akhirnya tanpa mengira siapa mereka.

Sebaliknya, hidup mereka akan dihantui mimpi ngeri dan momokan kezaliman serta kekejaman rejim pengganas Israel yang cuba sedaya upaya menjadikan Baitulmaqdis sebagai ibu negara abadinya, padahal bandar raya bersejarah bagi agama besar diturunkan Allah itu lebih berhak dituntut Palestin apabila tanah air mereka berdiri teguh, entah bila nanti.

Sebagaimana bangga dan bahagiannya rakyat Timor Timur yang mencapai kemerdekaan serta menjadi negara ke-192 di dunia, mulai hari ini, begitu jugalah harapan rakyat Palestin untuk mengecapi jiwa merdeka itu.

Bangsa Timor Timur yang asalnya menjadi jajahan Portugal kira-kira 300 tahun lalu sebelum menjalani penjajahan kedua oleh Indonesia selama 24 tahun. Tetapi nasib bangsa Palestin lebih malang dengan penubuhan secara haram Israel pada 1948 yang memaksa sebahagian besar penduduk asalnya merempat ke negara Arab lain dan sehingga sekarang terus dipermainkan maruahnya oleh rejim Zionis.

Meskipun mendapat autonomi bagi mentadbir wilayah sendiri di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza, berikutan penubuhan Pihak Berkuasa Palestin pada 1990-an, dari semasa ke semasa, terutama sejak 19 bulan lalu, Palestin seolah dihina dan ditindas sebegitu rupa oleh Israel menerusi pencerobohan demi pencerobohan secara haram.

Kesabaran bangsa ditindas ada hadnya dan dalam senario perjuangan semasa membabitkan pejuang di merata tempat di dunia, terutama Palestin, kita bimbang ia akan memakan korban lebih besar suatu hari nanti jika punca sekarang tidak ditangani dengan adil dan saksama.

Perjuangan yang cuba ditegakkan sesetengah kumpulan pejuang seperti al-Qaeda misalnya berakar umbi kepada rasa tidak puas hati sikap berat sebelah Washington bagi menangani konflik Palestin. Perang menentang pengganas tidak akan membawa apa-apa makna, sebaliknya mencetuskan lebih banyak konflik, sebagaimana barah.

Sebaliknya, masalah pokok, iaitu keadilan untuk bangsa Palestin perlu ditegakkan dengan sebarang keganasan, kekejaman dan kezaliman tentera serta rejim Zionis wajar ditangani dengan adil.

Selain Palestin, banyak negara tidak sebulu dengan AS dan Barat malah PBB seperti Iraq, Libya, Korea Utara dan negara kecil seperti Zimbabwe dan Myanmar kerana sikap berat sebelah atau cuba campur tangan isu dalaman yang wajar diselesaikan sendiri pemimpin negara itu.

Sebagai negara memperjuangkan demokrasi, kuasa Barat khususnya AS tidak seharusnya cuba mengeksploitasi sumber ekonomi, khususnya minyak dan sumber galian lain sehingga cuba menjatuhkan kerajaan negara berkenaan untuk kepentingannya.

Sebaliknya, dengan dunia semakin tiada bersempadan hari ini menerusi era teknologi maklumat dan Internet, khususnya perang fizikal berubah menjadi perang mental dan propaganda, sifat berbaik sangka dan menghormati orang lain lebih baik daripada mengundang musibah perang yang hanya membawa kehancuran lebih cepat ke atas umat manusia sebelum tibanya hari kiamat.

Berbalik kepada isu Palestin yang dianggap kunci penyelesaian pergolakan dunia dan pencorak dasar luar serta senario dunia, sudah tiba masanya pemimpin Barat terutama AS mendengar pandangan negara lain yang lebih terbuka seperti pandangan Malaysia yang kerap dibangkitkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menemui Bush di Rumah Putih, baru-baru ini.

Dalam hal ini, PBB perlu menjadi lebih matang dan tidak terlalu mengikut telunjuk pihak tertentu. Sebaliknya, sudah tiba masanya PBB menghantar pasukan pemerhati atau pengaman ke wilayah bergolak seperti Palestin untuk menyekat lebih ramai menjadi korban angkara kekejaman Zionis.

Pembunuhan seorang menteri kabinet Israel di tangan pejuang Intifada

kerap dilabel sebagai pembunuhan jenayah yang menjadi satu alasan tentera Yahudi atas arahan Sharon melancar serangan tentera besar-besaran ke atas Tebing Barat, khususnya Jenin dianggap pusat pejuang.

Kita tidak mahu nanti, kerana tersepit dan terpaksa ekor jurang kekuatan senjata dan bala tentera, pejuang Intifada akan beralih daripada serangan bom berani mati ke atas orang awam kepada tokoh Yahudi tertentu.

Seandainya perut Sharon yang terkenal dengan gelaran si buncit itu berkecai dalam letupan bom pejuang bagi menamatkan riwayat hidup Penyembelih Sabra dan Shatila itu, mahupun siapa saja ketua negara Yahudi itu, sudah pasti kitaran perjuangan yang dianggap pihak tertentu sebagai kegiatan penganas tidak akan ada akhirnya.

Sebaliknya, era baru perjuangan bagi menentang sistem atau pemerintahan tidak adil itu akan mencari korban baru dalam perang semakin canggih.

(END)